

MODEL INVENTORI MENBUNYIKAN KUALITI
PESAWAT EKONOMI (KPE) BAGI
BAHAN BAKAR PETROL

NOR FAZLINDA BT ABD MUTALIB

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

**MODEL INVENTORI MENGGUNAKAN KUANTITI PESANAN EKONOMI
(KPE) BAGI BAHAN BAKAR PETROL**

Oleh

Nor Fazlinda bt Abd Mutalib

**Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)**

**JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

1100076417



JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT4499B

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan Projek Ilmiah Tahun Akhir bertajuk: **Model Inventori Menggunakan Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) Bagi Bahan Bakar Petrol oleh Nor Fazlinda bt Abd Mutalib, No Matriks: UK13401** telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperoleh **Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.**

Disahkan oleh:

Penyelia Utama

Nama: Cik Siti Madhiah bt Abd Malik

Cop Rasmi: **SITI MADHIHAH BINTI ABD MALIK**
Pensyarah
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

Tarikh : 4/5/09

Ketua Jabatan Matematik

Nama: Dr. Tuan Haji Mustafa bin Mamat

Cop Rasmi: **DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT**
Ketua
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

Tarikh : 4/5/09

PENGAKUAN

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk **Model Inventori Menggunakan Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) Bagi Bahan Bakar Petrol** adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 

Nama : NOR FAZLINDA BT ABD MUTALIB

No. Matriks : UK13401

Tarikh : 4 Mei 2009

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Cik Madhiah bt Abd Malik selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan serta semangat kepada saya untuk menyiapkan projek ilmiah yang bertajuk Model Inventori Menggunakan Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) Bagi Bahan Bakar Petrol. Selain daripada itu, beliau sentiasa berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman yang berharga kepada pelajar-pelajar dan memberikan kami peluang untuk berfikir dan menyatakan pendapat.

Terima kasih juga kepada Puan Azlida bt Aleng selaku penyelaras projek ilmiah yang telah memberikan banyak panduan dan informasi dalam proses menyiapkan projek ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga kepada para pensyarah di Jabatan Matematik yang sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada para pelajar sepanjang projek ini dijalankan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Puan Hajah Zaleha Mohamad Ali selaku pengusaha pusat perkhidmatan Petronas Bandar Baru Selayang Fasa 2B yang telah memberikan kerjasama dengan memberikan data-data dan selok-belok tentang pengendalian bahan bakar dan membantu menjayakan dalam kajian ini. Tidak dilupakan kepada ibu-bapa dan rakan-rakan yang juga banyak membantu saya dengan sentiasa memberikan galakan dan sokongan kepada saya sehingga dapat menjayakan projek saya pada tahun akhir ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Masalah inventori adalah berkenaan dengan membuat keputusan optimum tentang berapa banyak dan bilakah masanya untuk memesan inventori. Berbagai jenis model telah direkabentuk untuk mewakili beberapa kes khas. Satu faktor penting ketika merekabentuk sesuatu model inventori ialah sifat permintaan. Kajian ini telah mengaplikasikan model inventori berketentuan dengan menggunakan model Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) terhadap bahan bakar petrol bagi mengetahui kuantiti dan waktu pesanan yang optimum. Permintaan bahan bakar berdasarkan kepada data-data bulanan penerimaan bahan bakar petrol di stesen perkhidmatan Petronas Bandar Baru Selayang Fasa 2B. Hasil daripada kajian, model ini dapat membantu pihak pengusaha stesen minyak dapat mengetahui kuantiti dan waktu pesanan yang optimum bagi menjamin bekalan bahan bakar yang berterusan kepada pelanggan selain dapat melicinkan operasi perniagaan dan menjaga keuntungan.

INVENTORY MODEL FOR PETROL FUEL BY USING ECONOMIC ORDER QUANTITY (EOQ)

ABSTRACT

Inventory problem is about decide optimum value of how much and when its time to order inventory. Variety kind of model has been designed to representing several special cases. An important factor when design something inventory model was demand nature. This study have applied inventory model deterministic by using Economic Order Quantity model (EOQ) on petrol fuel to know optimum value of quantity and time to order. Fuel demand is based on monthly receiving petrol in Bandar Baru Selayang Fasa 2B PETRONAS service station. From studies result, this model can indicate or signal petrol station entrepreneur to know optimum quantity and reorder point to ensure fuel supply continuously to customers apart from able smoothen business operation and generate profit.

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	
PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Model Inventori Teritlak	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Batasan Kajian	5
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	6
2.2 Sorotan Kajian Lepas	6
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Model Berketentuan	11
3.2 Pengaplikasian Model	15
BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Keputusan	16
4.2 Perbincangan	17
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	19
5.2 Cadangan	19
RUJUKAN	
LAMPIRAN	
BIODATA PENULIS	

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
3.1.1 Graf perubahan aras inventori	12
3.1.2 Graf panjang kitar inventori	13
3.1.3 Graf titik pesanan inventori	14
3.2.1 Rajah pengiraan model inventori	15
4.1.1 Rajah keputusan pengiraan model inventori	16

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

K

D

h

L

y

t

L_e

$L_e D$

$TCU(y)$

L

Kos Penyediaan

Kadar permintaan

Kos Penangguhan

Masa lopor

Kuantiti pesanan optimum

Panjang kitaran optimum

Masa lopor efektif

Titik pesanan semula

Kos inventori

Liter

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah inventori wujud apabila barangan fizikal atau komoditi (barang dagangan) perlu disimpan di dalam stok untuk tujuan memenuhi permintaan sepanjang ufuk masa (sehingga atau tidak terhingga) yang ditetapkan. Hampir semua urusniaga menyimpan stok barangan untuk menjamin perjalanan operasi yang licin dan cekap. Keputusan mengenai berapa banyak dan bila masanya untuk memesan adalah tipikal bagi semua masalah inventori. Permintaan yang diperlukan boleh dipenuhi dengan membekalkan stok sekali sahaja untuk keseluruhan ufuk masa atau dengan membekalkan stok secara berasingan untuk setiap unit masa dalam ufuk masa itu. Kedua-dua kes ini berpadanan dengan membekal stok berlebihan (dari segi satu unit masa) dan membekal stok berkurangan (dari segi keseluruhan ufuk). Stok yang berlebihan memerlukan modal terlabur per unit masa yang lebih tinggi tetapi kejadian kehabisan stok pembuatan pesanan yang kurang kerap. Sebaliknya, stok berkurangan mengurangkan modal terlabur seunit masa tetapi meningkatkan kekerapan pesanan serta risiko kehabisan stok. Kedua-dua keadaan ini menyebabkan kos yang amat tinggi. Oleh itu, keputusan tentang kuantiti yang akan dipesan dan masa pesanan akan mengimbangkan jumlah kos akibat daripada membekal stok berlebihan dan membekal stok berkurangan.

Maksud inventori adalah senarai terperinci barang-barang yang terdapat di tempat-tempat tertentu seperti di pejabat, kedai, dan lain-lain dirujuk pada Kamus Dewan Edisi Tiga. Kajian ini telah mengkhususkan bahan bakar iaitu petrol sebagai bahan kajian. Kajian ini akan menjelaskan pengurusan inventori bahan bakar di sebuah pusat perkhidmatan Petronas. Model inventori akan digunakan bagi menyelesaikan permasalahan pengurusan inventori.

1.2 Model Inventori Teritlak

Matlamat bagi sebarang model inventori adalah untuk menjawab persoalan berapa banyak yang hendak dipesan dan bilakah masa untuk membuat pesanan. Jawapan kepada soalan pertama diungkap dalam sebutan kuantiti pesanan. Kuantiti pesanan ini mewakili jumlah optimum yang patut dipesan setiap kali pesanan dibuat dan mungkin berubah dari masa ke masa bergantung kepada keadaan yang sedang dipertimbangkan. Jawapan bagi persoalan kedua bergantung kepada jenis sistem inventori tersebut. Sekiranya sistem ini memerlukan sorotan berkala pada masa yang sama panjang (sebagai contoh, setiap minggu atau setiap bulan), masa untuk mendapatkan pesanan biasanya sama dengan permulaan setiap selang masa. Sebaliknya, jika sistem berjenis sorotan selanjat, titik pesanan semula biasanya ditetapkan oleh aras inventori pada ketika pesanan baru mestilah dibuat.

Oleh itu, penyelesaian bagi masalah inventori adalah seperti berikut:

1. Kes sorotan berkala. Terima pesanan baru sebanyak yang ditetapkan oleh kuantiti pesanan pada permulaan selang masa yang sama panjang.
2. Kes sorotan selanjat. Apabila aras inventori jatuh ke titik pesanan semula, buat pesanan baru yang saiznya sama dengan kuantiti pesanan.

Kebiasaannya kuantiti dan titik pesanan semula ditentukan dengan meminimumkan jumlah kos inventori yang boleh diungkapkan sebagai fungsi yang melibatkan kedua-dua pembolehubah ini. Kita boleh mengira jumlah kos bagi model inventori am sebagai fungsi komponen utamanya dengan cara berikut:

$$\left(\begin{array}{c} \text{jumlah} \\ \text{kos} \\ \text{inventori} \end{array} \right) = \left(\begin{array}{c} \text{kos} \\ \text{pembelian} \end{array} \right) + \left(\begin{array}{c} \text{kos} \\ \text{penyediaan} \end{array} \right) + \left(\begin{array}{c} \text{kos} \\ \text{penangguhan} \end{array} \right) + \left(\begin{array}{c} \text{kos} \\ \text{kekurangan} \end{array} \right)$$

Kos pembelian menjadi suatu faktor penting apabila harga seunit komoditi bergantung kepada saiz pesanan. Biasanya keadaan ini diungkapkan sebagai diskaun kuantiti atau pecahan harga, dengan harga seunit benda itu menyusut dengan peningkatan kuantiti yang dipesan.

Kos penyediaan mewakili bayaran tetap yang dikenakan apabila pesanan dibuat. Oleh itu, untuk memenuhi permintaan bagi tempoh masa yang diberikan, pesanan (yang lebih kerap) kuantiti yang lebih kecil akan berkesudahan dengan kos penyediaan yang lebih tinggi semasa tempoh itu, berbanding dengan keadaan jika permintaan dipenuhi dengan membuat pesanan yang lebih besar (dan dengan itu kekerapan berkurang).

Kos penangguhan, mewakili kos menyimpan inventori di dalam stok (contohnya faedah bagi modal terlabur, storan, pengendalian, penyusutan nilai, dan penyelenggaraan), biasanya meningkat dengan aras inventori.

Kos kekurangan merupakan denda yang dikenakan apabila kita kehabisan stok bagi komoditi yang diperlukan. Pada amnya kos ini termasuklah kos akibat daripada kehilangan kemesraan kepada pelanggan serta kerugian pendapatan.

Penyataan Masalah

Masalah inventori adalah berkenaan dengan membuat keputusan optimum tentang berapa banyak dan bilakah masanya untuk memesan inventori. Berbagai jenis model telah direkabentuk untuk mewakili beberapa kes khas. Satu faktor penting ketika merekabentuk sesuatu model inventori ialah sifat permintaan. Pengurusan inventori adalah amat penting dalam perniagaan kerana ianya akan mempengaruhi kecekapan sesebuah perniagaan bagi menjana keuntungan.

1.5 Objektif

Objektif kajian adalah untuk :

- 1) Mengetahui waktu yang paling sesuai bagi memesan petrol.
- 2) Mengetahui kuantiti yang optimum bagi setiap pesanan.

1.6 Kepentingan Kajian

Petrol adalah hasil penyulingan petroleum dan merupakan sumber bumi yang semakin berkurangan kerana menjadi bahan dagangan dan permintaan terhadapnya tinggi. Secara khususnya petrol memainkan peranan dalam pembangunan sektor industri dan sosio-ekonomi di negara kita, Malaysia. Bersamaan dengan teknologi semakin berkembang pesat, kadar permintaan terhadap petrol semakin dikawal dengan setiap industri permotoran telah mencipta kenderaan yang menggunakan sumber gantian sebagai persiapan kehabisan bekalan sumber petroleum tidak lama lagi seperti biodiesel, bahan bakar hidro iaitu bahan bakar berasaskan air (*hydrofuel*) dan lain-lain lagi. Kawalan permintaan terhadap petrol boleh dilaksanakan dengan pengurusan inventori dengan cekap.

Bermula dengan pengurusan inventori yang cekap pada sebuah pusat perkhidmatan Petronas atau stesen perkhidmatan bahan bakar yang lain boleh mengawal dan menentukan permintaan petrol dengan cekap dan tepat pada masa yang akan datang dan membolehkan perjalanan perniagaan dijalankan secara terancang untuk menjamin bekalan yang mencukupi dan berkualiti. Ini merujuk kepada bekalan

petrol yang tidak terputus sepanjang masa dan petrol yang tetap pada paras yang ditentukan supaya dapat menampung permintaan yang semakin bertambah.

Dengan adanya data jualan terdahulu, maka bekalan petrol dapat dibekalkan mengikut nilai kiraan hasil daripada analisis menggunakan model inventori untuk mengelakkan kekurangan atau pembaziran. Ini dapat menjamin proses pembekalan petrol yang berterusan dan tidak tergendala.

Berhubungan dengan isu yang dinyatakan di atas, maka adalah menjadi minat untuk mengkaji serta membina model inventori yang dapat meramalkan kuantiti dan waktu bagi pesanan petrol berdasarkan data jualan yang terdahulu. Dengan adanya suatu set data analisis inventori jualan yang boleh dijadikan panduan, maka pembekalan petrol yang optimum dapat menjimatkan kos dan mengelakkan pembaziran. Tempoh persiapan kehabisan bekalan sumber alam ini juga dapat dilanjutkan kerana pembaziran terhadap penggunaan petrol dapat dibendung. Seandainya permintaan terhadap petrol dapat dipastikan dan bilakah dibekalkan, hasil analisis tersebut akan dapat memanfaatkan semua pihak. Bukan sahaja pihak pembekal petrol dapat mengetahui nilai jumlah petrol dan waktu pembekalan yang paling optimum untuk dibekalkan, bahkan pengguna juga dapat dijamin bekalan yang berterusan.

1.7 Batasan Kajian

Data-data bagi membantu menjayakan kajian ini terbatas pada satu tempoh masa yang singkat kerana mengambil data pergerakan bahan bakar selama tiga bulan sahaja. Satu kajian inventori sahaja diambil, inventori tersebut adalah bahan bakar petrol. Sebarang sumber dan data mengenai inventori diambil dan dirujuk hanya kepada sebuah stesen perkhidmatan Petronas sahaja iaitu pusat perkhidmatan Petronas Bandar Baru Selayang Fasa 2B.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Banyak kajian-kajian lepas yang menggunakan model inventori dalam menyelesaikan masalah inventori. Sampel kajian sahaja yang membezakan kajian-kajian terdahulu. Pada masa yang sama juga, perspektif dan pendekatan tentang model inventori jauh lebih variasi.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

Mohd Omar dan Noor Hasnah Moin (2002) telah menentukan polisi terbaik bagi masalah penambahan perolehan inventori apabila kadar permintaannya tentu berubah dengan masa secara selanjat untuk sesuatu tempoh yang terhad. Bila dan jumlah kuantitinya untuk setiap kitaran ditentukan. Prosedur genetik algoritma yang berasaskan kepada prinsipal kewujudan Darwin dan model hampan di dalam Microsoft Excel Solver digunakan. Keputusan berangka dari beberapa contoh menunjukkan kedua-dua prosedur mampu memberikan penyelesaian yang optimum.

Cargal (2003). Permasalahan asas dalam perniagaan dan pengilang adalah bila untuk memesan bekalan dan mengetahui kuantiti yang perlu untuk memesan item tersebut. Banyak penulisan telah membincangkan untuk menyelesaikan masalah ini. Banyak formula dan algoritma dicipta bagi penyelesaian ini. Penggunaan Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) adalah antara salah satu daripada terbitan formula-formula dan algoritma-algoritma yang ada. Penulis cuba untuk menyampaikan formula KPE adalah yang paling ringkas dan mudah dan digunakan untuk beberapa andaian yang

tidak masuk akal. Mengapa formula KPE sungguh berkesan adalah andaian yang tidak masuk akal yang dimaksudkan. Walaupun masih ada banyak lagi formula-formula dan algoritma-algoritma yang canggih dan sofistikated, tetapi KPE masih juga menjadi pilihan syarikat-syarikat dan perbadanan besar untuk kegunaan menjalankan operasi perniagaan mereka. Secara umumnya, syarikat-syarikat dan perbadanan besar tidak mahu pesaing mereka mengetahui bahawa mereka menggunakan model KPE yang tidak berapa canggih ini. Dalam tulisan penulis ini, telah diuraikan sedikit informasi yang boleh diambil kira bagi penggunaan model KPE.

Sabrina (2005). Slaid ini telah menerangkan tentang Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE). KPE merupakan kaedah yang terbaik digunakan dalam perniagaan. Beliau memperkenalkan konsep KPE dengan turutan pertama iaitu penjelasan definisi KPE, turutan kedua iaitu penggunaan KPE dalam organisasi perniagaan, dan turutan terakhir penerangan bagaimana KPE berfungsi, bukan sahaja pengiraan dengan formula yang digunakan tetapi beliau menerangkan dengan lebih terperinci bagaimana formula KPE diterbitkan dan bagaimana untuk mengenalpasti nilai yang betul untuk setiap pemboleh ubah. Contoh-contoh model KPE yang digunakan dalam kehidupan seharian turut disertakan dalam slaid ini.

Atkinson (2005). Artikel ini menjelaskan pelbagai aspek-aspek Kuantiti Pesanan Ekonomi secara terperinci. Artikel ini juga membincangkan asas-asas dan langkah demi langkah bagi menggunakan KPE dengan menggunakan contoh-contoh yang ada bagi mengetahui berapa banyak yang perlu dipesan untuk barangan tunggal yang lebih dikenali sebagai jangkaan permintaan. Perihal definisi KPE telah dinyatakan sebagai perkara yang pertama. Kemudian, perihal permintaan, kos pesanan, dan kos penangguhan telah dijelaskan secara terperinci. Seterusnya, mengaplikasikan formula KPE terhadap contoh yang diberi. KPE boleh menjadi alat yang sangat berkesan bagi membantu mengoptimumkan inventori. Walaubagaimanapun, untuk KPE menjadi berkesan, ianya memerlukan penelitian barangan dan data. Ini bermakna dengan mengambil kira jangkaan permintaan, penilaian yang bagus terhadap kos penangguhan dan kos pesanan.

Menurut Nor Erne Nazira et al. (2006). Kajian ini telah mengaplikasikan teorem Bayesian dalam meramalkan permintaan alat ganti mesin di kilang pemrosesan bahan kimia. Polisi pesanan ditentukan menggunakan model Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE). Permintaan item dalam model KPE berdasarkan kepada pesanan atau jumlah pengeluaran item dari stok. Dalam kes ini, permintaan adalah kadar kegagalan. Masalah dan polisi semasa digambarkan dengan jelas. Seterusnya, elemen asas teorem Bayesian diperkenalkan. Hasil pengiraan menggunakan teorem Bayesian digabungkan dengan model KPE untuk menentukan polisi pesanan. Kaedah yang dicadangkan memberikan aras stok yang lebih rendah dan mencukupi untuk memenuhi permintaan berbanding polisi semasa. Kos kawalan inventori juga dapat diminimumkan.

Dalam penyelidikan Oganezof (2006) telah mengambil kira sistem inventori untuk produksi model ekonomi dimana objektifnya adalah untuk mencari kitaran masa optimum dimana meminimumkan jumlah kos dan mengoptimumkan amaun kekurangan jika ianya dibenarkan. Beberapa aspek seperti nilai masa wang, inflasi, kadar permintaan yang malar dan linear, kekurangan, dan kerosakan diambil kira dalam mengembangkan model yang berbeza.

Menurut Xiuli Chao et al. (2008). Kajian terhadap satu masalah pengoptimuman penambahan dan harga untuk sorotan berkala sistem inventori dengan bekalan kapasiti rawak mendapati bahawa bekalan kapasiti rawak untuk masa yang berbeza adalah saling bergantung (*dependent*). Beberapa struktur stokastik yang saling bergantung diambil kira untuk jujukan bekalan kapasiti termasuklah satu-susulan dan pelbagai-susulan. Kajian ini juga menunjukkan polisi kawalan inventori optimum adalah pengubahsuaian jenis dasar stok (*base-stock*) dan aras dasar stok adalah menyusut dalam kapasiti yang sedia ada terhadap masa semasa dan polisi harga optimum tersebut adalah senarai harga yang tercipta daripada pendiskaunan ataupun kenaikan harga.

Menurut Seung et al. (2008). Inventori dengan permintaan yang malar dipertimbangkan dan diperiksa mengikut proses Poisson dan penambahannya sama ada sepenuhnya atau sebahagian sahaja apabila stok adalah di bawah pembatasan. Kajian ini memperoleh sebaran pegun (*stationary-distribution*) kepada aras inventori. Setelah menetapkan beberapa kos-kos terhadap inventori, kajian ini dapat

menerbitkan kos purata jangka panjang per unit masa. Contoh berangka untuk mencari nilai optimum untuk memeriksa kadar pemeriksaan dan pembatasan di mana meminimalkan kos purata jangka panjang.

Amirah dan Chong (2008). Melaporkan kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad hanya 10 buah stesen minyak di beberapa buah negeri telah kehabisan bekalan minyak dan merupakan kes terpencil berikutan daripada 3 095 stesen minyak di seluruh negara, hanya 10 buah kehabisan bekalan dan sembilan daripadanya adalah dari syarikat yang sama. Beliau mengulas kenyataan Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM), Mejar (B) Abdul Wahid Bidin bahawa masalah kekurangan bekalan minyak yang pada awalnya dikesan di sekitar Lembah Klang turut dialami di beberapa negeri. Bagaimanapun masalah kekurangan bekalan minyak tersebut dijangka bertambah baik pada pertengahan minggu depan selepas pemandu lori yang sedang bercuti kembali bertugas. Menurut Shahrir, masalah kekurangan bekalan minyak berlaku apabila pengusaha stesen minyak berkenaan gagal membuat tempahan minyak yang mencukupi serta kelewatan penghantaran bekalan semasa cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri. Tambah beliau lagi, kementerian telah mengarahkan syarikat minyak meningkatkan penghantaran bekalan petrol ke stesen minyak di seluruh negara bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan dapat menampung keperluan pengguna pada musim perayaan. Sementara itu, Shahrir berkata, kerajaan belum dapat menentukan jumlah pengurangan harga minyak bagi bulan Oktober ini dengan hanya berpandukan pada pola penurunan harga minyak global yang dicatatkan sejak kebelakangan ini. Katanya, sebarang keputusan untuk menurunkan bahan itu perlu berdasarkan pada harga pasaran purata bulanan minyak dunia. Shahrir turut menasihatkan orang ramai agar tidak mendesak kerajaan untuk menurunkan harga minyak kerana kerajaan tetap akan memberi subsidi itu seperti pada bulan Ogos dan September lalu. Dalam perkembangan berkaitan, katanya, kerajaan membelanjakan sebanyak RM16.8 bilion untuk pemberian subsidi minyak bermula Januari sehingga akhir September lalu. Katanya, subsidi itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap masalah yang dihadapi rakyat yang berdepan dengan kos peningkatan hidup akibat kenaikan harga minyak.

Merujuk Pentico et al. (2008). Kebanyakan penulis telah membangunkan model-model untuk Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE) apabila hanya peratusan

ketiadaan stok akan digantikan (*backordered*). Kebanyakan model-model ini adalah rumit dengan persamaan-persamaan tidak seperti model untuk KPE yang menggantikan barang sepenuhnya. Dalam kertas ini, kami telah melanjutkan kerja oleh Drake dan Pentico yang telah membina persamaan untuk KPE dengan penggantian barang separa yang seakan sama dengan KPE penggantian barang sepenuhnya untuk membina model bandingan untuk KPE dengan penggantian barang separa.

BAB 3

METODOLOGI

Metodologi merangkumi pengenalan tentang model inventori dan perincian pengkhususan model inventori yang dipilih bagi kajian kes bahan bakar petrol.


3.1 Model Berketentuan

Dalam kajian kes, model berketentuan ini terbahagi kepada lima model lagi. Antaranya adalah:

- i. model statik benda tunggal
- ii. model statik benda tunggal dengan pecahan harga
- iii. model statik benda berganda dengan penghadan storan
- iv. model dinamik N -tempoh benda tunggal
- v. model penskedulan pengeluaran N -tempoh

Secara khususnya, model statik bagi benda tunggal telah dipilih kerana permintaan adalah malar sepanjang masa dengan pengisian serta merta dan tiada kekurangan dan menepati ciri-ciri untuk pengendalian bahan bakar petrol.

Rajah 3.1.1 menggambarkan perubahan aras inventori. Permintaan dianggap berlaku mengikut kadar K (seunit masa). Aras inventori yang tertinggi berlaku apabila kuantiti pesanan y diserahkan. (Susulan penyerahan dianggap sebagai pemalar yang diketahui). Aras inventori jatuh ke aras sifar, y/K unit masa selepas kuantiti pesanan diterima.




Rajah 3.1.1

Apabila kuantiti pesanan bertambah kecil, pesanan baru akan bertambah kerap. Akan tetapi, aras purata bagi inventori yang disimpan di dalam stok akan menyusut. Sebaliknya kuantiti pesanan yang lebih besar menandakan aras inventori yang lebih tinggi, tetapi dengan membuat pesanan yang kurang kerap (rujuk rajah 3.1.2). Disebabkan terdapat kos yang berkaitan dengan pesanan dan penangguhan inventori di dalam stok, kuantiti y dipilih untuk membenarkan kompromi di antara kedua-dua jenis kos ini. Inilah asas untuk merumus model inventori.

Andaikan K sebagai kos penyediaan yang dikenakan setiap kali pesanan dibuat dan andaikan kos penangguhan seunit inventori *seunit masa* sebagai h . Dengan itu, jumlah kos *seunit masa* TCU sebagai fungsi y yang boleh ditulis seperti

$$TCU(y) = \text{kos penyediaan/unit masa} + \text{kos penangguhan/unit masa}$$

$$= \frac{K}{y/D} + h\left(\frac{y}{2}\right)$$



Rajah 3.1.2

Seperti yang dapat dilihat daripada Rajah 3.1.2, panjang setiap kitar inventori sama dengan $t_0 = y/D$ dan purata inventori sebanyak $y/2$.

Nilai optimum bagi y diperoleh dengan meminimumkan $TCU(y)$ terhadap y . Oleh itu, dengan menganggap y sebagai pembolehubah selanjur, kita mempunyai


$$\frac{dTCU(y)}{dy} = -\frac{KD}{y^2} + \frac{h}{2} = 0$$

yang menghasilkan kuantiti pesanan optimum sebagai

$$y^* = \sqrt{\frac{2KD}{h}}$$

Biasanya kuantiti pesanan di atas dirujuk sebagai saiz lot ekonomi Wilson. Dasar optimum bagi model memerlukan pesanan y^* unit setiap $t_0^* = y^*/K$ unit masa. Kos optimum $TCU(y^*)$ yang diperoleh dengan penggantian langsung, bernilai $\sqrt{2KDh}$.

Biasanya kebanyakan keadaan praktik mempunyai masa lopor (atau susulan masa yang positif sebagai syaratnya), L daripada masa pesanan dibuat sehingga pesanan benar-benar diserahkan. Oleh itu, dasar pesanan bagi model di atas mestilah menetapkan titik pesanan semula. Dalam kes ini, titik pesanan semula berlaku apabila aras inventori jatuh sehingga LD unit.



Rajah 3.1.3

Rajah 3.1.3 menjelaskan situasi dengan pesanan semulanya berlaku pada L unit masa sebelum penyerahan dijangka. Masa lopor L sentiasa diambil sebagai kurang daripada panjang kitar t . Bagi mengira untuk situasi lain, masa lopor atau sorotan efektif ditakrifkan sebagai

$$L_e = L - nt$$

di mana n adalah integer terbesar yang tidak melebihi $\frac{L}{t}$. Keputusan ini adalah wajar kerana selepas kitaran n terhadap setiap t_0^* , situasi inventori akan bertindak sebagai selang masa antara membuat pesanan dan penerimaan pesanan adalah L_e . Nombor integer bagi kitaran yang termasuk dalam masa lopor, L adalah

$$\begin{aligned} n &= \left(\text{integer terbesar} \leq \frac{L}{t} \right) \\ &= \left(\text{integer terbesar} \leq \frac{3}{1.9198} \right) \\ &= 1 \end{aligned}$$

Maka, titik pesanan semula berlaku pada $L_e D$ unit dan polisi inventori boleh dinyatakan sebagai pesan kuantiti sejumlah y apabila aras inventori jatuh kepada $L_e D$ unit.

3.2 Pengaplikasian Model

	A	B	C
1			
2	Inventori	Kadar Pesanan Ekonomi (KPE)	
3			
4		Data	
5		Kadar Permintaan, D	$=(507780+453180+513240)/(30+31+30)$
6		Kos Penyediaan, K	$=C5*2.15$
7		Kos Penangguhan, h	$=140/(4*30)$
8		Masa lopor, L	3
9			
10		Keputusan	
11		Kuantiti pesanan optimum, y	$=SQRT((2*C6*C5)/C7)$
12		Panjang Kitaran optimum, t	$=C11/C5$
13		Masa lopor efektif, Le	$=C8-1*(C12)$
14			
15		Titik pesanan semula, LeD	$=C13*C5$
16		Kos inventori, $TCU(y)$	$=C6*(C11/C5)+C7*(C11/2)$
17			

Rajah 3.2.1

Microsoft Office Excel 2007 telah digunakan bagi menjayakan kajian model inventori terhadap bahan bakar petrol. Rajah 3.2.1 menunjukkan pengiraan bagi mendapatkan objektif kajian iaitu kuantiti pesanan optimum dan juga titik pesanan semula.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Keputusan

Model inventori diaplikasikan dengan menggunakan data-data bulanan pergerakan inventori bahan bakar petrol yang sumbernya diambil di pusat perkhidmatan Petronas Bandar Baru Selayang Fasa 2B. Data yang digunakan adalah data pergerakan inventori bahan bakar bagi bulan September, Oktober dan November tahun 2008 memandangkan ianya adalah maklumat terkini sewaktu kajian ini dijalankan. Keputusan yang diperoleh adalah seperti berikut:

	A	B	C	D	E
1					
